

Sebanyak 51,631 kes penipuan dalam talian dilaporkan dari 2019 hingga 2021

Oleh DIANA AZIS

KUALA LUMPUR

# Penipuan dalam talian catat kerugian lebih RM1.6 bilion



JONATHAN

Sejak 2019 hingga 2021, seramai 26,349 tangkapan telah dibuat dan sebanyak 16,029 pertuduhan telah dilaksanakan.

dibuat dan sebanyak 16,029 pertuduhan telah dilaksanakan.

“Polis juga mewujudkan CCID Scam Response Center dan orang ramai boleh membuat panggilan untuk mendapatkan maklumat serta kesahihan panggilan bagi sebarang transaksi yang meragukan,” katanya di

Dewan Rakyat pada Isnin.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Su Keong Siong (PH-Kampar)** yang meminta statistik kes penipuan pembelian dalam talian bermula 2019 sehingga tahun lalu serta langkah diambil bagi membendung masalah itu supaya tidak menjejaskan kerancakan urus niaga bentuk baharu.

Mengulas lanjut, Jonathan berkata, Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan merancang, menjalankan kajian dan menyemak semula undang-undang yang dikuatkuasakan dalam me-

astikan ia relevan seiring perkembangan dan isu semasa.

“Kita akan kaji semula peraturan Akta Perlindungan Pengguna 2007 sekiranya dapat membendung segala jenis jenayah yang berlaku dalam negara,” katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan daripada **Datuk Che Abdullah Mat Nawi (Pas-Tumpat)** yang ingin mengetahui sama ada terdapat keperluan untuk undang-undang penguatkuasaan dipinda atau dikemas kini supaya relevan dengan cabaran semasa.

